

Praktis

Pilih kata perintah yang betul.

- 1 "_____ angkat pinggan kotor ini ke dapur," arah ibu kepada kakak.
A Tolong
B Jangan
C Usah
D Jemput
- 2 "_____ bersandar pada dinding itu kerana catnya belum kering," pesan Encik Wong kepada Emily.
A Minta
B Harap
C Jangan
D Sila
- 3 "_____ tanggalkan kasut kamu sebelum masuk ke sini," kata Guru Besar kepada Muthu.
A Usah
B Sila
C Jemput
D Harap
- 4 "_____ berbuat bising di sini."
A Minta
B Harap
C Sila
D Jangan
- 5 "_____ rasa kuih-muih ini."
A Sila
B Harap
C Minta
D Jangan
- 6 "_____ kamu sudah bersedia untuk menghadapi peperiksaan nanti."
A Usah
B Jemput
C Harap
D Minta
- 7 "_____ ambilkan pinggan itu," kata kakak kepada adik.
A Jemput
B Harap
C Jangan
D Tolong

- 8 _____ kamu bersabar dengan perkara yang telah berlaku.
A Sila
B Minta
C Tolong
D Harap
- 9 "_____ senyap!" kata pengawas perpustakaan kepada Epi dan Lina.
A Tolong
B Minta
C Jangan
D Usah
- 10 _____ bermain di kawasan semak samun itu.
A Harap
B Sila
C Jangan
D Tolong
- 11 _____ kalian beredar dari sini dengan segera.
A Minta
B Tolong
C Sila
D Jemput
- 12 _____ duduk di tempat masing-masing kerana majlis akan bermula sebentar lagi.
A Usah
B Jemput
C Sila
D Minta
- 13 "_____ kamu pedulikan kata-kata kakak itu," nasihat ayah kepada Affindi.
A Jemput
B Tolong
C Harap
D Usah
- 14 _____ para peserta sudah bersedia.
A Harap
B Tolong
C Minta
D Jemput
- 15 _____ tutup suis kipas sebelum kamu keluar.
A Jemput
B Minta
C Tolong
D Harap

Praktis

Pilih kata adjektif yang betul.

- 1 Suara penyanyi itu sungguh _____.
A basi B merdu C cantik

- 2  Zainal berasa _____ apabila dimarahi oleh gurunya di hadapan kelas.
A suka B malu C gembira

- 3 Puan Jeslin membersihkan ikan pari yang berbau _____ itu.
A wangi B masam C hanyir

- 4  Buah rambutan yang masih muda itu rasanya _____.
A kelat B pahit C manis

- 5  Bola ragbi yang baru dibeli itu berbentuk _____.
A leper B bulat C bujur

- 6  Pelancong dari Korea itu agak _____ berbahasa Melayu.
A fasih B kuat C tampan

- 7 Suasana majlis hari jadi Suraj sungguh _____.
A meriah B gelap C terang

- 8 Orang _____ itu selalu memberi derma kepada penduduk yang miskin.
A susah B garang C kaya

9



Air sungai itu mengalir dengan _____ selepas hujan.
A deras B cetek C sempit

10



Rumah datuk agak _____ di hujung kampung.
A jauh B kecil C lapang

11

Daniel selalu datang _____ ke sekolahnya.
A malam B lewat C sukar

12



Riana begitu _____ apabila gagal dalam ujian itu.
A malas B manis C kecewa

13



Akibat kepenatan bermain bola bersama kawan-kawannya, Danish tidur _____ tanpa sempat makan malam.
A awal B dekat C lambat

14

Adik tidak dapat menghabiskan bihun goreng yang agak _____ itu.
A pedas B manis C wangi

15



Mereka berasa penat membantu ayah mengutip buah-buahan di kebun yang sangat _____ itu.
A dekat B luas C lapang

Praktis

Isi tempat kosong dengan kata arah yang betul.

1



Ayu membantu ibu menyapu daun-daun kering yang berguguran di _____ rumah.

2




Teng Huat duduk di barisan paling _____ kerana dia ingin fokus di dalam kelas.

3



Encik Farid meninggalkan keretanya di _____ jalan.

4



Sebuah basikal telah diletakkan di _____ rumah.

5



Kim Seng meletakkan hadiah yang diterimanya di _____ meja.

6



Meng Kiat berdiri di _____ Farid dan Nabil.

7



Si Tompok duduk di _____ meja.

8



Adik menyorok di _____
almari ketika ibu memanggilnya
untuk makan ubat.

9



Ibu meletakkan kotak besar itu di
_____ almari.

10



Motosikal abang diletakkan di
_____ kereta ayah.

11



Terdapat seekor tikus di
_____ televisyen.

12



Puan Mala menunggu suaminya di
_____ kereta.

13



Si Comel tidur di _____
televisyen.

14



Anak-anak kucing itu tidur lena di
_____ bakul.

15



Nani menyorok di _____
ibunya kerana malu diusik oleh
Puan Mala.

Praktis

Pilih kata tanya yang betul.

- 1 _____kah nama tempat yang kita kunjungi semalam?
A Bagaimana
B Di mana
C Siapa
D Apa
- 2 _____kah kamu akan bertolak ke Melaka?
A Siapa
B Di mana
C Berapa
D Bila
- 3 _____kah kakak kamu kelihatan sedih?
A Mengapa
B Siapa
C Bila
D Apa
- 4 _____kah bilangan adik-beradik kamu?
A Di mana
B Berapa
C Mana
D Bila
- 5 _____kah cara membuat kuih itu?
A Bagaimana
B Mengapa
C Di mana
D Siapa
- 6 _____kah yang datang ke rumah kamu semalam?
A Apa
B Bila
C Siapa
D Berapa
- 7 _____kah umur kamu?
A Apa
B Siapa
C Berapa
D Mengapa
- 8 _____kah kamu akan datang ke sini lagi?
A Bila
B Siapa
C Mengapa
D Bagaimana

- 9 _____kah yang terpilih untuk menyertai lawatan ke Sabah itu?
A Bagaimana
B Mengapa
C Siapa
D Apa
- 10 _____kah kamu membeli pakaian ini?
A Siapa
B Di mana
C Berapa
D Apa
- 11 _____kah cara kamu membahagikan masa antara belajar dan bersukan?
A Bila
B Siapa
C Mengapa
D Bagaimana
- 12 _____kah yang kamu bawa itu?
A Bila
B Apa
C Mengapa
D Di mana
- 13 _____kah bilangan peserta yang akan mengikuti aktiviti berkayak esok?
A Berapa
B Di mana
C Mengapa
D Bagaimana
- 14 _____kah kamu tidak hadir ke sekolah selama seminggu?
A Bagaimana
B Mengapa
C Berapa
D Siapa
- 15 _____kah yang telah memecahkan tingkap bilik itu?
A Apa
B Siapa
C Mengapa
D Bagaimana